

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB IR. YUSOF BIN ABDUL WAHAB
(TANJONG MANIS)**

TARIKH : 25 NOVEMBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

IR. YUSOF BIN ABDUL WAHAB [TANJONG MANIS] minta **MENTERI KANAN KERJA RAYA** menyatakan apakah perancangan untuk membina jambatan menyeberangi Batang Rajang di pekan Bintangor yang menempatkan lebih 30 buah rumah panjang, kampung Melayu dan kampung Cina.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya komited menyediakan kemudahan infrastruktur jalan raya terbaik untuk keselamatan dan keselesaan rakyat dan pada masa yang sama dapat menjadi pemangkin kepada pembangunan sosio-ekonomi negara. Kementerian ini mengambil maklum akan cadangan Ahli Yang Berhormat untuk membina jambatan menyeberangi Batang Rajang di Pekan Bintangor.

Semakan Kementerian ini mendapati jambatan menyeberangi Batang Rajang di Pekan Bintangor yang dimaksudkan terletak di Jalan Nanga Bangkit /Muara Lebaan (Q3063) adalah berstatus Jalan Negeri. Sehubungan itu, cadangan pembinaan jambatan kekal di laluan berkenaan adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri Sarawak.

Berdasarkan Akta Jalan Persekutuan 1959 (Akta 376), bidang kuasa Kementerian ini adalah tertakluk kepada Jalan Persekutuan sahaja. Selaras dengan Fasal 1 Perkara 80 Perlembagaan Persekutuan, kuasa eksekutif Persekutuan atau Negeri adalah tertakluk kepada perkara yang terletak di bawah bidang kuasa Persekutuan atau Negeri yang disenaraikan dalam Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan. Sehubungan itu, apa-apa kos pembangunan yang melibatkan perkara di bawah senarai Persekutuan akan ditanggung oleh Kerajaan Persekutuan manakala apa-apa kos pembangunan yang melibatkan Jalan Negeri akan ditanggung oleh Kerajaan Negeri.

Walau bagaimanapun, cadangan projek tersebut boleh dipertimbang untuk dilaksanakan menggunakan peruntukan pembangunan Persekutuan di bawah Kementerian ini sekiranya jalan berkenaan diwartakan kepada Jalan Persekutuan terlebih dahulu selaras dengan Seksyen 3 Akta Jalan Persekutuan 1959 yang memperuntukkan bahawa

YB Menteri Kerja Raya boleh mengisytiharkan mana-mana Jalan Negeri, Jalan Pihak Berkuasa Tempatan atau Jalan Swasta sebagai Jalan Persekutuan setelah dipersetujui oleh pihak-pihak berkuasa yang berkenaan.

Dalam perkara ini, Kerajaan Negeri Sarawak hendaklah bersetuju mewartakan Jalan Nanga Bangkit /Muara Lebaan (Q3063) kepada Jalan Persekutuan terlebih dahulu supaya cadangan projek ini boleh diteliti dan dipertimbang untuk diangkat kepada Agensi Pusat, tertakluk kepada keutamaan negeri dan ketersediaan agihan siling peruntukan pembangunan Persekutuan bagi Kementerian ini.

Sekian, terima kasih.